

**MINIT DIALOG LPJ BERSAMA PENGGUNA PELABUHAN
PERSADA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE
17 APRIL 2013**

1.0 KATA ALU-ALUAN

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran para tetamu yang terdiri daripada pengguna-pengguna pelabuhan Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Tg. Pelepas ke Majlis Dialog LPJ Bersama Pengguna Pelabuhan.

2.0 PERKONGSIAN MAKLUMAT PELABUHAN

Majlis diteruskan dengan perkongsian berita pelabuhan yang disampaikan oleh wakil dari JPB dan PTP. Maklumat-maklumat yang disampaikan adalah berkaitan kerja-kerja pembangunan yang sedang giat dijalankan di kedua-dua pelabuhan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan di kedua-dua pelabuhan.

3.0 SESI DIALOG

Sesi dialog yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar LPJ dimulakan dengan perbincangan isu-isu yang telah dimaklumkan kepada LPJ seperti yang berikut:

Bil.	Perkara	Maklumbalas
1.	i. Tarif bayaran jeti	Tertakluk kepada jenis aktiviti sepertimana yang terkandung di dalam tarif.
	ii. Pembaikan dan pemeriksaan kapal di atas jeti	Perlu dirujuk kepada agensi yang sewajarnya kerana aktiviti tersebut di luar bidang kuasa LPJ.
	iii. Pelupusan kapal di jeti persendirian	

	iv. Kuasa LPJ ke atas jeti persendirian di kawasan pelabuhan	Section 3 & 20 Akta Lembaga Pelabuhan 1963
2.	i. Pertanyaan bilakah kerja pengerukkan di JPB akan dimulakan kerana bercadang untuk membawa masuk kapal draft 10.5-11.0m-dwt 35,000MT pada bulan April.	JPB telah menjalankan kerja pengerukkan " <i>maintenance</i> " sejak November 2012 dan dijangka siap pada Jun 2013. Semua dermaga dan jeti akan kembali kepada had kedalaman asal.
	ii. Apakah tindakan oleh JPB untuk menambahbaik Kren BG1 yang sering mengalami kerosakkan dan mengganggu operasi seterusnya dikenakan denda oleh pemilik kapal (demurrage).	JPB sedang menjalankan kerja penambahbaikan kepada kren-kren sediaada termasuklah pada BG1. Disebabkan keperluan operasi, BG1 akan terus digunakan dengan memberi tumpuan kepada penyelenggaraan jentera agar operasi dapat berjalan dengan lancar.
3.	i. Perlukah kapal yang ingin berlabuh di kawasan docking melapor kepada LPJ walaupun telah mendapat keizinan dari pelabuhan.	i. Perlu melapor kepada LPJ melalui EPENS
	ii. Istilah aktiviti yang diterima daripada Jabatan Kastam - Bekalan Keperluan Kapal (bahan bakar yang telah dibayar cukai). Adakah sama dengan bunkering?	Pihak kastam memaklumkan bahawa <i>bunkering</i> adalah bahan bakar bukan subsidi.
	iii. Dokumen keperluan yang lengkap untuk aktiviti bunkering	Permohonan lesen <i>bunkering</i> LPJ boleh didapati di laman web atau hubungi Unit Marin LPJ.

4.	EPENS - cadangan agar setiap akaun agen dapat melihat pendaftaran kapal yang telah dilakukan oleh agen daripada syarikat sama.	LPJ mencadangkan agar setiap syarikat mencetak dokumen tersebut untuk dijadikan rujukan dan simpanan.
5.	i. EPENS - cadangan supaya sistem tersebut dapat intergrasi dengan sistem-sistem pelabuhan. EPENS merupakan duplikasi kepada port VCS dan maklumat sama juga diperlukan untuk sistem Jabatan Laut.	Jabatan Laut akan membangunkan <i>port single window clearance system</i> . Pada masa yang sama, LPJ juga dalam peringkat perancangan untuk membangunkan <i>port community portal</i> khas untuk pengguna pelabuhan-pelabuhan di Johor yang akan dilancarkan pada suku tahun pertama 2014.
	ii. Pilot PTP - Perkhidmatan malim yang diberikan semakin tidak cekap dan sedang menjadi isu perbualan negara jiran. Akibatnya syarikat dikenakan <i>full for the delay</i> (CMC) walaupun berpunca dari kelewatan malim sendiri. Kesibukan aktiviti di Tg. Bin mungkin menjejaskan perkhidmatan malim tersebut. Berharap agar LPJ dapat memainkan peranan menangani isu ini.	PTP sedang melaksanakan tiga langkah penambahbaikan perkhidmatan marin terutamanya pemaliman bagi memenuhi kehendak pengguna: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengambilan lima (5) malim berpengalaman dengan lesen tidak terhad. Malim ini akan memulakan kerja pada Jun 2013, menjadikan jumlah malim berlesen tidak terhad kepada 17 orang. 2. PTP mempunyai lebih 16 malim dengan lesen terhad dan mereka dalam perancangan latihan untuk dinaik taraf ke lesen tidak terhad dalam tempoh 3 tahun akan datang. 3. PTP telah melantik Syarikat Marine Services bagi tujuan menyokong keperluan khidmat Pemaliman untuk operasi STS di kawasan berlabuh. Ini akan memberi ruang kepada malim PTP untuk memberi tumpuan kepada kapal kontena dan ATB / Tanjung Bin tangki vessels. Tarikh permulaan ditetapkan untuk akhir bulan Mei 2013. Memandangkan jarak yang jauh antara kawasan STS

		<p>dan dermaga Kontena, langkah ini juga perlu meningkatkan kecekapan pergerakan Pilot.</p> <p>Di samping itu, PTP juga telah melaburkan tambahan dua <i>Tug-boat</i> bagi menyokong aktiviti ini dan dijangka terima pada bulan Julai 2013.</p>
6.	<p>i. Pas Lawatan Kerja Sementara - Tiada notis atau pekeliling awal bagi memaklumkan bahawa setiap permohonan pas perlulah dibuat di Putrajaya dan bukan di peringkat negeri. Perkara ini hanya dimaklumkan melalui percakapan pada hari kejadian di pejabat imigresen. Kesannya agen terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk keseluruhan proses.</p>	<p>Pihak kastam akan mewujudkan sistem tersebut dalam masa seminggu dari tarikh dialog.</p> <p>Pengerusi turut mempelawa pihak kastam untuk menggunakan laman web LPJ sekiranya terdapat maklumat yang perlu dikongsikan kepada pengguna pelabuhan.</p>
	<p>ii. Intergrasi sistem maklumat ketibaan kapal memandangkan maklumat yang sama diperlukan untuk LPJ, PTP, JLM. Mohon agar agensi dapat bekerjasama mewujudkan <i>single window system</i>.</p>	<p>Jabatan Laut akan membangunkan <i>port single window clearance system</i>. Pada masa yang sama, LPJ juga dalam peringkat perancangan untuk membangunkan <i>single window system</i> khas untuk pelabuhan-pelabuhan di Johor yang akan dilancarkan pada suku tahun pertama 2014.</p>
7.	<p>i. JPB Dredging - Operasi kapal saiz besar berkapasiti 45,000dwt terganggu kerana kedalaman perairan di JPB cetek disebabkan '<i>stilting</i>'. Jadual kapal telah diatur 3 bulan sebelum namun kebenaran untuk masuk adalah berdasarkan '<i>case to case basis</i>'.</p>	<p>JPB telah menjalankan kerja pengerukkan "<i>maintainence</i>" sejak dari November 2012 dan dijangka siap pada Jun 2013. Semua dermaga dan jeti akan kembali kepada had kedalaman asal.</p>

<p>ii. JPB memberikan tempoh 5 hari “gate opening” untuk agen memasukkan data ke dalam sistem pelabuhan (JCTS). Namun, agen hanya diberikan 3 hari sahaja terutamanya Selatan feeder vessel, Selamat feeder vessel dan MSC vessel.</p> <p>Mohon agar JPB memberikan 7 hari untuk “gate in” bagi memastikan operasi berjalan lancar dan mengelakkan dari dikenakan sebarang <i>detention charges</i>.</p>	<p>JPB menawarkan 5 hari seperti dalam tarif dan dipamerkan melalui sistem JCTS. Namun begitu, ia terpulang kepada kapal / forwarder untuk menawarkan pelanggan mereka (<i>consignee</i>) bilangan hari penuh atau kurang oleh kerana tempahan eksport dilakukan oleh mereka.</p>
<p>iii. JPB akan melaksanakan <i>no additional loading rule after vessel come alongside</i> berkuatkuasa 1 Mei 2013. Semua kontena mesti masuk ke pelabuhan berdasarkan <i>port closing time</i> yang tepat. Kontena dibenarkan masuk ke pelabuhan tetapi tidak dibenarkan untuk memunggah ke atas kapal selepas <i>closing time</i> . Sebelum ini kontena dibenarkan walaupun selepas <i>closing time</i> sehingga beberapa jam setelah membuat bayaran <i>additional charges</i>.</p> <p>Mohon agar JPB mengguna pakai sistem sebelum yang amat berguna terutamanya pada kes-kes kecemasan seperti <i>urgent shipment request, delay, tight schedule</i> kami menghantar kontena melebihi <i>closing time</i>. Dengan kelulusan Person in Charge kami masih boleh memunggah kontena ke atas kapal.</p>	<p>Polisi baru ini diperlukan bagi membolehkan membuat perancangan terminal seperti perancangan kawasan, perancangan kapal, tenaga kerja dan peralatan perancangan penempatan, sebelum operasi pemunggahan kontena ke kapal bermula.</p> <p>Permintaan memindah kontena ke lapangan Terminal semasa kapal sedang <i>alongside</i> akan menjejaskan kelancaran operasi dan akan menyebabkan kelewatan.</p> <p>Pengguna digalakkan untuk memindahkan kontena ke dalam kawasan Terminal dalam tempoh 5 hari yang diperuntukkan sebelum ketibaan kapal.</p>
<p>iv. Mohon PTP juga memberikan tempoh 7 hari “gate in” sebelum ETA. Proses menghantar kontena dari PTP ke</p>	<p>Terminal PTP sememangnya memperuntukkan tempoh tujuh (7) hari simpanan kontena sebelum ETA kapal, samada untuk local import &</p>

	<p>kilang di Pasir Gudang dan menghantar semula ke PTP mengambil masa 2 hari kerana hauliers memerlukan 6-8 jam untuk satu proses. Ini akan memberikan agen kapal masa yang cukup untuk memproses data.</p>	<p>export laden.</p>
<p>8.</p>	<p>i. Memohon LPJ untuk memantau dan mengkaji aktiviti sokongan dan sub-port yang dikendalikan JPB (<i>repair services, Empty Container Distribution Centre</i>) kerana aktiviti ini menjejaskan operasi utama sebuah pelabuhan.</p> <p>ii. Memohon LPJ untuk mengkaji dan membuat perbandingan aktiviti yang dijalankan JPB berdasarkan By-Law dan akta (<i>Vessel berthing system, container gate closing time, EMC</i>) berbanding Lembaga Pelabuhan Klang dan Maritime Port Authority of Singapore.</p>	<p>Pengurus Besar LPJ memaklumkan satu pasukan <i>Port Performance Monitoring Team</i> LPJ telah ditubuhkan bagi memantau aktiviti-aktiviti yang dijalankan di JPB.</p>
	<p>iii. Port Consultative Committee telah meluluskan permohonan tarif baru JPB pada tahun 2009. Justifikasi yang diberikan oleh JPB adalah tarif tersebut dapat membantu JPB untuk melakukan pelaburan penambahbaikan fasiliti di JPB.</p> <p>Mohon LPJ untuk memantau pelaburan pembangunan penambahbaikan yang dijalankan oleh JPB. Sekiranya produktiviti perkhidmatan tidak meningkat, mohon tarif JPB dikembalikan kepada yang asal.</p>	<p>Pihak JPB akan sentiasa memaklumkan status perkembangan kerja pembangunan pelabuhan kepada LPJ dari masa ke semasa.</p>

4.0 PENUTUP

Tuan Pengerusi memaklumkan kepada para hadirin bahawa sekiranya terdapat sebarang isu berkaitan perkhidmatan pelabuhan yang perlu dibangkitkan boleh diutarakan kepada LPJ pada bila-bila masa dan tidak perlu untuk menunggu Majlis Dialog. Tuan Pengerusi seterusnya mengucapkan terima kasih kepada para hadirin yang hadir dan majlis ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

Disediakan oleh,

ABDUL RAQIB BIN MOHAMED

Pegawai khidmat Korporat

Unit Khidmat Korporat

Lembaga Pelabuhan Johor